

Isu Perbandaran dan Kualiti Hidup Penduduk Pinggir Bandar

SAMRUHAIZAD SAMIAN @ SAMION, JAMALUDDIN MD. JAHI & AZAHAN AWANG

ABSTRAK

Bandar dan pinggir bandar merupakan dua pusat yang saling memerlukan dalam usaha memastikan perbandaran yang dirancang memberi manfaat kepada masyarakat pinggiran yang menerima secara positif impak rebakan yang berlaku. Ketepuan tanah bandar akibat kerancangan pertumbuhan pembangunan di kawasan bandar tidak lagi mampu menampung aktiviti pembangunan yang dirancang. Pinggir bandar merupakan tadahan perbandaran dan kawasan paling sesuai dalam menampung percambahan penempatan bandar sama ada bagi pembangunan pentadbiran, pendidikan, perindustrian, kediaman, pusat perniagaan dan komersial yang telah dirancang untuk masa hadapan. Transformasi kawasan pinggiran kepada penstrukturan bandar merupakan fenomena biasa akibat pertumbuhan pesat kota metropolitan yang membangun sekaligus memberi kesan limpahan penempatan di pinggir bandar. Malah rebakan pembangunan di pinggir bandar juga mampu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat sekitarnya. Kemudahan infrastruktur perbandaran, pengukuhan kehidupan sosial antara masyarakat, kurangnya kesesakan lalu lintas, udara segar dan nyaman merupakan aset-aset yang masih boleh dinikmati di pinggir bandar. Namun proses pembangunan yang sedang rancak dilaksanakan dalam menggarab kemajuan mempertikaikan nasib kedudukan penduduk pinggir bandar yang tinggal berhampiran bandar. Pembangunan yang tidak terancang mengakibatkan ancaman kualiti hidup masyarakat pinggiran walaupun terdapat keupayaan limpahan perbandaran ke kawasan pinggiran menjanjikan perubahan kualiti hidup yang lebih baik. Kesan 'cultural shock' sama ada negatif atau positif akibat perubahan pembangunan ini sekiranya tidak diuruskan dengan sebaik mungkin akan mengundang pelbagai masalah kepada masyarakat pinggir bandar. Masalah perbandaran yang tidak terkawal akan menular di pinggiran yang mengakibatkan peningkatan gejala sosial yang merosakkan ketamadunan manusia, pelbagai masalah jenayah yang semakin sukar dibendung, isu-isu pencemaran alam sekitar, banjir kilat, kenaikan harga hartanah dan pencerobohan penggunaan tanah serta kesesakan lalu lintas. Malah apa yang paling dikesali adalah ancaman kepupusan monumen dan tinggalan tradisi masyarakat Melayu pinggir bandar selain ancaman kualiti hidup masyarakat pinggir bandar itu sendiri. Nasib kehidupan penduduk pinggir bandar bagi memastikan kualiti hidup mereka akan bertambah baik dalam pencerobohan pembangunan adalah masih kabur dan tidak dapat ditentukan dengan tepat. Namun begitu, apapun perubahan yang berlaku di persekitaran pinggiran, penduduk pinggir bandar sudah pasti mengharapkan kehidupan seharian mereka dapat dilalui dengan lebih sempurna seiring dengan peningkatan kualiti hidup yang lebih baik dan berterusan.

Kata kunci: rebakan perbandaran, pinggir bandar, kualiti hidup

ABSTRACT

Urban and suburban areas are two main centres which depend on one another in the effort of ensuring that the planned town would give benefit to the suburban community who received the impact positively towards urbanisation. The dense population in the city is due to the growing number of development in the city that could no longer able to support more activities on planned development. The shift into the suburban area is another alternative of managing the robust settlement in the city as it is the most suitable place in order to accommodate the increasing number of settlement of the city center for the development in administration, education, industrial, housing, retails and commercial centres which have been planned for the future. The transformation of suburban area into structural city is a common phenomenon due to rapid growth of the metropolitan area that results in overflow of settlements in the outskirts of the city. Moreover, the growth of development in the suburban areas can increase the standard of living of the surrounding community. The infrastructure facilities of the city, strengthening the social life between the people in the society, reducing the congestion of traffic, fresh air and serenity are among the assets which could still be enjoyed in the suburban areas. However, the development process which is actively implemented in order to gain advancement, has denied the position of the suburban community who live just outskirts of the city. The unplanned development has endangered the quality of life of the suburban community although there is the capability in transferring the development of the city to the suburban area that could change the quality of life of the people for the better. The effect can cause a "culture shock" whether negative or positive due to the changes in the development, and if not managed carefully may lead to greater problems for the suburban people. The complication of uncontrolled urbanisation can spread to the suburban areas which can lead to increasing social ills that may harm human civilisation, increase in crimes that

are difficult to control, increasing issues of environment pollution, flash flood, the rise in prices of real estates and intrusion of land use as well as traffic congestion. In fact, the most regrettable matter is the threat of extinction of monuments and the remaining Malays tradition of the suburban areas aside from the threat on the quality of life of the suburban community, respectively. The fate of the life of the suburban community in ensuring the betterment of their own quality of life due to the intrusion of the development is still unclear and unable to be determined precisely. Nevertheless, any changes that occur to the suburban areas, the population of the respective areas certainly bear hopes that they would go through their daily life in the best condition in line with a better and sustainable quality of life.

Key words: spread of urbanisation, urban fringe, quality of life

PENGENALAN

Kesan pembangunan mengakibatkan kebimbangan, keterancaman, gangguan dan tekanan perasaan selain masalah fizikal, mental, sosial dan spiritual dalam kehidupan masyarakat pinggir bandar. Isu rebakan dari beberapa sudut dasar perancangan memberikan tanggapan positif serta keuntungan kepada masyarakat pinggir bandar namun seandainya keseimbangan kualiti hidup kehidupan masyarakat tidak diteliti dengan sebaik mungkin akan menimbulkan permasalahan kepada penduduk setempat yang dilihat sebagai isu negatif. Pertumbuhan pembangunan ini dilaksanakan dalam usaha memastikan penduduk pinggir bandar turut memperolehi pelbagai manfaat yang telah lama diperolehi di kawasan bandar. Malah perancangan pembangunan ini juga dapat memastikan agar proses pembangunan pinggir bandar tidak ketinggalan seperti yang banyak berlaku di kebanyakan negara-negara membangun. Pada dasarnya rebakan perbandaran ke pinggir bandar adalah disebabkan oleh kepadatan pembangunan yang telah tepu di bandar-bandar selain kebebasan penggunaan tanah yang lebih luas di kawasan pinggir bandar. Malah pinggir bandar juga merupakan sebuah entiti yang kompleks iaitu sebagai kawasan pertanian yang mengalami percampuran yang sangat kuat dengan kegiatan industri, pengembangan perumahan dan guna tanah yang lain (McGee 1991). Namun, penerobosan guna tanah di pinggir bandar sekaligus mengakibatkan ketidakselesaan kepada penduduk pinggir bandar disamping pelbagai ancaman dalam menjalani kehidupan seharian yang pastinya mengurangkan kualiti hidup seharian mereka. Penyesuaian perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan pembangunan di pinggir bandar selari dengan konsep kehidupan masyarakat pinggir bandar yang telah lama menetap di penempatan tersebut. Walaupun dasar pembangunan banyak memihak kepada pertumbuhan serta perancangan di pinggir bandar bagi

tujuan kemajuan di masa hadapan namun ia tidak bermakna kepentingan masyarakat diabaikan. Pembangunan yang telah dirancang dengan teliti serta merangkumi semua aspek akan menghasilkan kepuasan kepada semua pihak demi kepentingan bersama.

Penekanan terhadap kepentingan kualiti hidup penduduk perlu menjadi agenda utama bagi memastikan kehidupan masyarakat yang berubah daripada kehidupan pinggir bandar kepada kehidupan bandar sentiasa berada dalam keadaan sejahtera dan selesa. Pertumbuhan pembangunan ini pastinya memberi impak besar kepada masyarakat pinggir bandar yang telah terbiasa dengan corak kehidupan kekampungan berbanding cara kehidupan bandar yang sememangnya amat berbeza dengan cara hidup mereka yang biasa. Perubahan-perubahan inilah sekiranya tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin akan mengakibatkan "*cultural shock*" yang merubah sifat kebiasaan masyarakat pinggir bandar yang diamalkan kepada sifat agresif yang memungkinkan timbulnya pelbagai masalah yang berpunca daripada 'transformasi kepinggir bandar'. Usaha mengekalkan amalan gaya hidup harian bersandarkan perubahan moden yang agak terasing dengan amalan biasa sememangnya agak sukar dilakukan. Perubahan pastinya mempengaruhi sikap, gaya hidup, pemikiran, pendekatan, kaedah, amalan dan tindakan yang agak berbeza dari yang biasa. Namun dengan penelitian dan memahami keperluan serta mengekalkan persekitaran kehijauan yang tenteram dan damai disamping perubahan kemodenan yang seimbang mampu mengatasi pelbagai masalah sama ada di peringkat keluarga, masyarakat sehinggalah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

ISTILAH REBAKAN PINGGIR BANDAR

Pelbagai istilah rebakan diberikan oleh para penyelidik sama ada dari bidang yang sama atau

bidang berlainan. Istilah ‘rebakan’ telah digunakan untuk pertama kali pada tahun 1937 oleh Earle S. Draper, seorang eksekutif atasan yang bekerja di bahagian Pihak Berkuasa di Lembah Tennessee dalam konteks persidangan kebangsaan perancangan (Wassmer 2002). Dalam istilah ini rebakan telah dirujuk sebagai satu bentuk penyelesaian yang tidak menghargai keindahan serta tidak ekonomik. Ini bermaksud rebakan ke kawasan pinggiran akan mengakibatkan hilangnya keindahan alam semula jadi yang boleh dijadikan warisan zaman berzaman.

Namun begitu, lain pula kaedah penafsiran yang diberikan oleh Small (2000) yang berhujah bahawa terdapat orang awam dan penggubal dasar yang sering menggunakan istilah analogi perubatan. Rebakan bandar dilihat sebagai satu penyakit yang memberi kesan terhadap sesuatu gejala yang tidak diingini. Pelbagai kaedah penawaran penyembuhan dilakukan dalam usaha menyembuhkan penyakit ini, namun begitu kita seolah-olah kurang pemahaman terhadap punca dan mekanismanya. Justeru, rebakan yang dianggap sebagai penyakit sangat mudah penularannya ke tempat-tempat lain malah mengakibatkan permasalahan lain yang sukar dibendung. Berbeza dengan pendapat Al Gore (Wassmer 2002) mengenai rebakan. Beliau berpendapat rebakan itu telah menjadi konsep “musuh”, tanpa memahami dengan tepat apa yang sebenarnya berlaku. Sehingga Cervero (2000) membuat analoginya tersendiri yang lebih mudah dengan mendakwa rebakan itu seperti pornografi apabila ianya agak sukar untuk ditakrifkan dengan perkataan tetapi anda tahu apabila anda melihatnya sendiri. Seperti yang telah dibincangkan dalam istilah-istilah rebakan di atas maka pemahaman mengenainya agak mengelirukan selain rebakan bandar itu sendiri sebenarnya adalah sukar untuk ditakrifkan.

Rebakan pinggir bandar telah menjadi fenomena biasa semenjak perang dunia kedua (Belser 1960; Harvey & Clark 1965; Gans 1967; Mills & Hamilton 1994) terutama di Amerika Syarikat dan di beberapa kawasan negara-negara barat. Sesuatu aktiviti pembangunan yang mencapai tahap maksimum terpaksa menyebar keluar dari pusat bandar ke kawasan pinggir bandar. Fenomena penyebaran kawasan tepu bina daripada bandar yang keluar dari pusat bandar itu dikenali sebagai serakan bandar atau pun ‘urban sprawl’ (Ahris Yaakup 2008). Dalam memahami maksud rebakan pinggir bandar ianya perlu difahami dengan jelas agar perancangan pembangunan yang dilaksanakan lebih teratur dan




tersusun disamping penekanan terhadap kesejahteraan hidup masyarakat lebih terjamin. Sebenarnya tidak dapat dinafikan bahawa kawasan perbandaran memerlukan ruang yang lebih besar untuk menampung jumlah penduduk serta kerancakan perkembangan ekonomi. Justeru, rebakan pinggir bandar bukan lagi merupakan perkara asing yang telah dibincangkan oleh para penyelidik terutama mereka yang terlibat secara langsung dengan perancangan pembangunan bandar.

JENIS REBAKAN PINGGIR BANDAR

Konsep rebakan telah dicipta di Amerika Syarikat dan ianya telah diadaptasi dalam konteks rebakan di negara tersebut. Malah perdebatan mengenainya juga telah mengambil masa yang panjang dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul. Permasalahan ini turut dilihat oleh Benua Eropah yang mempunyai reputasi kepadatan penduduk yang tinggi di samping bandar-bandarnya yang mempunyai pelbagai fungsi kepenggunaan campuran. Selain itu, imej bandar di Eropah juga sangat hebat dengan latar belakang sejarah yang kukuh serta dominan. Oleh yang demikian perdebatan ini telah berlarutan hingga ke Benua Eropah sejak beberapa tahun kebelakangan. Akhirnya diputuskan bahawa tindakan ini dilihat sebagai wajar apabila sekurang-kurangnya Benua Eropah berjaya menyelesaikan sebahagian besar masalah pembangunan yang berselerak di bandar raya berkenaan.

Dalam menangani masalah wilayah yang tidak tersusun akibat penolakan perbandaran ke pinggir bandar terdapat beberapa jenis corak rebakan yang sering berlaku kesan penularan penggunaan tanah pinggiran bagi menampung kepadatan di bandar. Secara umumnya, proses pembangunan yang paling popular telah membentuk tiga jenis serakan bandar yang melibatkan isu rebakan di pinggiran iaitu Rebakan berkepadatan rendah berpanjangan (*Low-density Continuous Sprawl*), Rebakan bereben (*Ribbon Sprawl*) dan Rebakan Pembangunan ‘Leapfrog’ (*Leapfrog Development Sprawl*) (Sila lihat Jadual 1).

Jadual 1. Jenis serakan bandar secara umum

JENIS REBAKAN BANDAR	KETERANGAN REBAKAN	CORAK REBAKAN BANDAR
1. Rebakan Berkepadatan Rendah Berpanjangan . (<i>Low-density Continuous Sprawl</i>)	Rebakan ini merupakan penggunaan tanah di samping untuk tujuan perbandaran di sepanjang margin kawasan metropolitan yang sedia ada. Jenis rebakan ini disokong oleh sedikit demi sedikit kemudahan infrastruktur asas seperti air, kuasa elektrik, pembetung, jalan-jalan dan telekomunikasi.	
2. Rebakan Bereben (<i>Ribbon Sprawl</i>)	Rebakan pembangunan bereben mengikut koridor pengangkutan jalan raya utama atau laluan transit pengangkutan awam yang keluar dari teras bandar. Tanah bersebelahan koridor yang dibangunkan tidak mempunyai akses secara terus yang kekal dalam penggunaan dan perlindungan di luar bandar. Dari semasa ke semasa tanah ini berdekatan dengan tanah 'mentah' yang mungkin ditukar kepada kegunaan bandar sebagai peningkatan nilai tanah dan infrastruktur diperluaskan seranjang dari garisan dan jalan utama.	
3. Rebakan Pembangunan 'Leapfrog'. (<i>Leapfrog Development Sprawl</i>)	Pembangunan <i>Leapfrog</i> adalah corak pembangunan tidak selanjur dengan tempokan tanah dimajukan yang banyak dipisahkan antara satu dengan lain daripada sempadan- sempadannya. Walaupun dalam kes-kes tertentu ia masih kabur namun kawasan perbandaran ini tetap diiktiraf sebagai kawasan bandar (Barnes et al. 2001). Serakan yang berasingan dari pusat bandar dan merupakan pembangunan yang bertompok dari kawasan tepu bina ke suatu kawasan baru. Pembangunan bentuk ini yang paling mahal dalam penyediaan perkhidmatan bandar seperti air dan pembetungan.	

Sumber: diadaptasi dari Galster 2001

Sungguhpun terdapat perancangan pembangunan dalam usaha menurusi rebakan pinggir bandar namun rebakan yang berlaku di pinggir bandar kebiasaannya merupakan rebakan yang tidak terancang dan tidak mengikut kesesuaian perubahan perkembangan pembangunan yang berlaku di sesuatu kawasan. Dalam penulisan Harvey dan Clark yang ditulis dalam tahun 1965 turut menjelaskan

bahawa limpahan perbandaran sebagai limpahan guna tanah bandar yang membentuk berterabur dan melompat-lompat (Harvey & Clark 1965), kurang kesinambungan guna tanah serta pembangunan tidak tersusun dan merbahaya (Peiser 1989). Proses rebakan yang memungkinkan perancangan tidak tersusun juga sebenarnya seiring dengan proses pergerakan pembangunan yang memerlukan pelbagai infrastruktur baru bagi keperluan pembangunan yang dibina. Rebakan jenis '*Leapfrog development sprawl*' juga (Ahris Yaakup 2008) turut dikenali sebagai pembangunan yang tidak terancang serta tidak mengikut corak pembangunan sedia ada. Selain faktor fizikal, keadaan ini terjadi akibat daripada polisi guna tanah dan selalunya melibatkan modal yang besar untuk membangunkan infrastruktur yang baru sebagai pemangkin pembangunan.

PERUBAHAN HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR

Keupayaan limpahan perbandaran ke kawasan pinggir bandar menjanjikan perubahan kualiti hidup yang lebih baik sememangnya tidak perlu disangkal lagi. Rebakan pembangunan di pinggir bandar pastinya mampu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat sekitarnya secara mata kasar. Namun begitu, kemelut masalah sosial dan kepelbagaian perubahan pembangunan pinggir bandar seharusnya tidak mengeneppikan intipati dalaman kemanusiaan yang mudah berubah akibat perubahan persekitaran mereka. Kesan yang paling ketara yang dapat diperhatikan kesan pembangunan adalah perubahan alam semula jadi yang menjurus kepada impak negatif seperti penebangan pokok-pokok yang menyebabkan hilangnya pemandangan kehijauan bumi, selain perubahan alam sekitar yang diselimuti 'global warming', perparitan dan sungai-sungai yang hilang seri kejernihannya, bukit-bukit yang tidak lagi mampu menanggung kekukuhan lantai bumi dan banyak lagi. Limpahan perbandaran membawa kepada pembangunan di luar jangkaan terhadap kawasan pinggir bandar (Bast 1998) kerana pinggir bandar merupakan kawasan sempadan yang mempunyai hubungan pembangunan secara langsung dengan arus kepesatan perbandaran di bandar yang mempengaruhi kualiti hidup masyarakat di dalamnya dari segi fizikal, mental, sosial dan spiritual.

Kehijauan pinggir bandar yang diselimuti keindahan dan kedamaian pemandangan menyediakan

terapi ketenangan fizikal dan mental kehidupan secara semula jadi kepada semua lapisan masyarakat pinggiran. Kurang penelitian terhadap penularan pembangunan yang drastik akan memberikan gangguan terhadap terapi semula jadi dalam kehidupan masyarakat pinggiran. Malah kesan pembangunan juga mampu mengubah sikap, gaya hidup, tindakan, sosial kehidupan dan kelas pemikiran minda seseorang masyarakat pinggiran yang terlibat secara langsung dengan pembangunan yang dikecapi. Perubahan ini dapat diperhatikan dalam kehidupan masyarakat pinggir bandar Felda Lyndon B. Johnson yang menerima perubahan drastik akibat rebakan pinggiran. Pembangunan yang melanda telah mengakibatkan perubahan hidup dan gaya hidup masyarakat felda kepada masyarakat bertaraf tinggi hampir seratus peratus. Kehidupan mereka yang dulu mengharapkan duit daripada pihak Felda dengan bekerja keras menguruskan ladang-ladang tetapi kini hidup mewah dengan menikmati hasil pampasan akibat perubahan proses pembangunan yang dibangunkan di persekitaran petempatan mereka. Felda Lyndon B. Johnson merupakan contoh masyarakat pinggiran yang telah menerima tempias proses pembangunan yang berubah hampir 180 darjah akibat rebakan projek mega di Daerah Sepang yang berhampiran dengan Putrajaya dan Cyberjaya. Pembelian Tabung Haji dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan ke atas Felda Lyndon B. Johnson pada tahun 1996 dengan jumlah RM790.3 juta telah mengubah masyarakat di dalamnya. Peneroka Felda LBJ-Sendayan mengalami satu lagi detik bersejarah yang membezakan mereka dari peneroka tanah rancangan lain apabila mereka menjadi 'jutawan' (Mohd Fuad Mat Jali & Noraziah Ali 1996; Noraziah Ali et al. 1997). Malah gaya hidup mereka turut berubah apabila rumah papan yang dulunya disediakan oleh pihak felda bertukar rumah banglo mewah selain hilangnya keakraban antara masyarakat yang lebih bersifat anti-sosial akibat perubahan persekitaran di sekeliling mereka.

Masyarakat pinggir bandar merupakan masyarakat kampung yang menikmati pelbagai infrastruktur permodenan dari kawasan kejiranan perbandaran yang pesat membangun. Segala infrastruktur yang disalurkan di pinggir bandar adalah ekoran jangkauan kemudahan yang diperuntukkan di kawasan bandar. Masyarakat pinggiran menjalani kehidupan harian mereka dengan persekitaran suasana kampung di samping kemudahan moden perbandaran yang disediakan. Namun begitu kehidupan masyarakat di pinggiran tidak sesibuk masyarakat bandar yang sentiasa memperuntukkan

24 jam sehari dalam urusan harian yang dilalui. Kehidupan mereka lebih tenang dengan pemandangan kehijauan yang indah disetiap sudut kawasan yang merupakan terapi semula jadi dalam menjalani kehidupan yang lebih baik di pinggir bandar. Malah mereka boleh melaksanakan segala aktiviti yang digemari pada bila-bila masa tanpa menghiraukan komitmen yang menyesakkan kehidupan kerana tidak ada batasan waktu selain ruang kawasan pemilikan yang luas. Sungguhpun terdapat penduduk pinggiran yang bekerja di kawasan bandar namun mereka masih boleh melakukan aktiviti kegemaran mereka. Malah separuh daripada penduduk yang bekerja mempunyai pekerjaan tetap. Lebih satu pertiga bekerja di sektor swasta, satu pertiga bekerja sendiri dan hanya 18% bekerja dengan jabatan kerajaan (Anuar Amir 2004). Pemerhatian mendapati bahawa masyarakat pinggir bandar tidak menjadikan pekerjaan pertanian sebagai pekerjaan utama dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Namun mereka masih melakukan salah satu dari pelbagai lagi aktiviti bercucuk tanam, menikmati hasil tanaman dari titik peluh usaha sendiri, menternak binatang peliharaan untuk keperluan sendiri tanpa had batasan.

Justeru, pembangunan yang dilakukan di pinggir bandar pasti mengalami perubahan akibat arus pemodenan yang dilaksanakan di sekitar kawasan tersebut. Sedikit sebanyak proses rebakan pastinya memberi impak sama ada negatif atau positif. Buruk dan baik perubahan pembangunan tersebut hanya mampu dinilai oleh masyarakat setempat yang menduduki kawasan pinggir bandar sebelum dan selepas rebakan perbandaran berlaku. Oleh yang demikian banyak lagi usaha-usaha yang perlu dilakukan dalam mengekalkan kualiti hidup masyarakat pinggir bandar dalam arus proses pembangunan perbandaran.

DEFINISI KUALITI HIDUP

Persepsi kualiti hidup bagi masyarakat yang tinggal di bandar juga berbeza berbanding persepsi masyarakat yang tinggal di luar bandar. Kualiti hidup dan persepsi sihat sejahtera individu juga mungkin berbeza menurut umur, jantina dan tempat tinggal atau lingkungannya (Samruhaizad Samian 2008). Perbezaan pendefinisian dan tanggapan terhadap maksud kualiti hidup disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perbezaan dalam mengharungi persekitaran hidup, permasalahan yang ditempuhi, pengalaman serta latarbelakang hidup

yang berbeza dan banyak lagi. Ini disebabkan tanggapan kualiti hidup itu sendiri adalah bersifat subjektif dan mempunyai pelbagai dimensi. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh *World Health Organization* pada 1993 dengan mendefinisikan kualiti hidup sebagai tanggapan individu mengenai posisi kehidupan mereka dalam konteks budaya dan sistem di mana ia berhubung rapat dengan matlamat, jangkaan, tahap dan beban (WHO 1993). Namun begitu maksud yang lebih luas diberikan oleh Schmandt dan Bloomberg (1969) dengan memberikan maksud kehidupan dari sudut yang lain iaitu melibatkan aktiviti seluruh negara termasuk tabiat individu, pembangunan, sumber, suka atau tidak suka dan pelbagai lagi. Ringkasnya, kehidupan mengubah setiap perkara dan setiap perwatakan sama ada melibatkan kehidupan atau kematian. Kehidupan juga menunjukkan kepada setiap perkara yang hidup dan juga proses kehidupan serta sifat dalam persekitaran. Namun begitu terdapat beberapa masalah dan kesilapan yang timbul dalam pendefinisian maksud kualiti hidup. Ini kerana cara bagaimana kualiti hidup itu didefinisikan juga ditentukan oleh perkara-perkara spesifik yang turut termasuk di dalam instrumen penilaian (Grant et al. 1990). Malah kualiti hidup juga ditakrifkan sebagai membina sebuah multidimensi yang mencerminkan persepsi diri sendiri dengan keseronokan dan kepuasan kehidupan (Varni et al. 2006). Walau apapun definisi yang diberikan oleh para penyelidik dalam menakrifkan kualiti hidup serta pelbagai jenis domain, tujuan dan matlamat yang cuba dicapai sebenarnya adalah sama iaitu mencari jalan penyelesaian dalam memberikan kehidupan yang paling sempurna serta berkualiti kepada semua manusia.

Grant et al. (1990) menyatakan bahawa “kualiti hidup boleh ditakrifkan sebagai pernyataan peribadi bagi sifat-sifat positif atau negatif yang mempunyai ciri-ciri kehidupan seseorang.” Ferrans (1990a) bersetuju dengan pandangan ini dan menunjukkan bahawa definisi kualiti hidup boleh dikumpulkan dalam kategori berikut:

- (1) Kehidupan biasa yang memberi tumpuan kepada persepsi pelanggan serta keupayaan untuk menjalani kehidupan normal sama seperti kehidupan orang sihat atau orang yang tipikal dalam kategori umur yang sama berdasarkan pernyataan oleh Status Skala Prestasi Karnofsky (Karnofsky et al. 1948).
- (2) Kegembiraan serta kepuasan yang dianggap dapat memberi kepuasan dan kebahagiaan kepada pesakit dari kepelbagaian aspek kehidupan mereka (Hornquist 1982; Ferrans 1990b).
- (3) Pencapaian matlamat peribadi yang memberi fokus khusus kepada persepsi pelanggan mengenai kejayaan atau kegagalan dalam pencapaian sesuatu matlamat (Gerson 1976 dan Calman 1989).
- (4) Keupayaan semulajadi yang memberi tumpuan sebenar atau potensi keupayaan fizikal atau mental seseorang (McCormick 1974; Shaw 1988).
- (5) Utiliti sosial turut memberi tumpuan kepada kemampuan seseorang terhadap kehidupan sosial yang berguna.

Ferrans (1990a) juga dengan teliti mencatatkan bahawa kepelbagaian definisi mempunyai had dan instrumen tertentu berdasarkan sesuatu takrifan yang mungkin sesuai bagi sesetengah keadaan namun tidak bagi keadaan yang lain. Kebimbangan terhadap definisi kehidupan yang normal adalah ianya tidak konsisten dalam menjelaskan kriteria ‘normal’ yang perlu digunakan. Apabila menggunakan definisi kepuasan dan kegembiraan seseorang, ianya perlu difahami bahawa kebahagiaan yang diperolehi perlu seiring dengan berkurangnya usia seseorang di mana kecenderungan kepuasan dengan peningkatan usia mereka tidak semestinya sinonim (Campbell 1976).

PERBANDARAN DAN KUALITI HIDUP BANDAR

Kehidupan di bandaraya menjanjikan perubahan hidup lebih baik malah merupakan tarikan utama kepada setiap lapisan masyarakat yang inginkan kepuasan segera dan perubahan gaya hidup moden yang agak berbeza. Kepelbagaian lapisan masyarakat dari setiap pelusuk negeri di Malaysia turut mewujudkan kepelbagaian budaya, bahasa, idea, keinginan, pandangan dan nilai baru yang mempengaruhi corak hidup di kalangan masyarakat bandar. Di bawah unjuran pertumbuhan semasa, kawasan bandar di Semenanjung Malaysia perlu menampung pertambahan enam juta penduduk bagi tempoh 2010 hingga 2020. Ditambah, Bandaraya Kuala Lumpur menyediakan pelbagai peluang pekerjaan yang boleh diisi tanpa memerlukan pendidikan yang tinggi serta kemahiran yang minima di samping perolehan pendapatan yang lumayan asalkan bersedia melakukan apa jua jenis bentuk pekerjaan. Ini mengakibatkan bandar Kuala Lumpur terpaksa menerima pertambahan penduduk yang mendadak serta memberi kesan sampingan sama

ada negatif atau positif terutama permintaan tinggi terhadap penempatan penduduk, pekerjaan dan kesesakan jalan raya. Namun kegagalan masyarakat kota menjalani keseimbangan kehidupan di bandar yang mempunyai hierarki dan strategi pertumbuhan mengundang pelbagai masalah kehidupan termasuk masalah sosial, jenayah samun, pembunuhan, ragut, rompakan dan pelacuran. Penularan jenayah ini tidak lain adalah bermotifkan kaedah perolehan wang dengan mudah dan cepat yang banyak dalam menampung kehidupan bandar yang serba mencabar. Sungguhpun masyarakat bandar secara fizikalnya terdedah dengan masalah penempatan, pencemaran, keganasan jenayah dan keselamatan sosial namun penilaian kualiti hidup terhadap segala kemungkinan yang berlaku hanya boleh dirasai dan dinilai oleh mereka yang menghuni di dalamnya.

Kos sara hidup yang semakin meningkat turut membebankan masyarakat dalam menjalani kehidupan di bandar terutama peningkatan kos pembelian harga sewa dan beli rumah yang diluar kemampuan golongan yang berpendapatan sederhana dan ke bawah. Masalah persaingan yang tinggi dan perjalanan hidup moden yang bergerak pantas meningkatkan kadar kemiskinan di bandar metropolitan terutama bagi masyarakat yang tidak berupaya seiring dengan kerancakan pembangunan. Masyarakat bandar yang berusaha untuk berdiri sama rendah dan duduk sama tinggi dengan kepesatan pembangunan terpaksa berkorban masa dan tenaga hanya untuk memastikan perolehan pendapatan dan keperluan perbelanjaan diri sendiri dan keluarga dapat dipenuhi dengan sebaiknya. Tekanan demi tekanan dilalui setiap hari oleh masyarakat bandar dalam menjalani kehidupan yang serba pantas dan moden. Bagi memastikan segala keperluan dan kehendak diri dipenuhi masyarakat bandar kadang-kala gagal untuk mengukur baju di badan sendiri apabila melakukan pelbagai jenis pinjaman yang akhirnya menjerut diri sendiri dan keluarga. Masalah bebanan hutang yang banyak, tanggungan sara hidup terhadap ahli keluarga, pertambahan bebanan kewangan dalam menyediakan pendidikan anak-anak serta kecelaruan gangguan fikiran dalam memastikan kualiti hidup keluarga mendapat yang terbaik mengakibatkan ketegangan hidup masyarakat kota bertambah. Maka tidak hairanlah ramai warga kota sering dikhabarkan menghadapi masalah tekanan, kemurungan dan keresahan yang akhirnya menghilangkan keseluruhan garisan kualiti hidup yang ingin dicapai.

Lazimnya kita sudah sedia maklum bahawa kehidupan masyarakat bandar telah dihidangkan dengan pelbagai kemudahan serta teknologi moden yang mudah diakses. Sebelum bermula kemajuan ini pun bandar sering didatangi oleh pelbagai masyarakat luar yang turut ingin merasai segala kemudahan yang disediakan. Bagi mewujudkan persekitaran kondusif, kerajaan akan memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar dengan memastikan ia selesa didiami dan mendapat liputan kemudahan asas mencukupi (*Utusan Malaysia* 2010). Penyediaan asas yang mencukupi di bandar sememangnya tidak perlu disangkal lagi. Tidak ada rungutan dari segenap lapisan masyarakat kota mengenai keperluan asas yang disediakan namun dengan peningkatan pelbagai harga barangan yang disebabkan oleh peningkatan harga minyak seringkali menguji kesabaran dan kewibawaan masyarakat bandar.

Pada tahun 2002 satu laporan Kualiti Hidup Bandar Malaysia (IKHBM) telah dikeluarkan yang merangkumi empat buah bandar utama di Malaysia iaitu Kuching, Ipoh, Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Menurut laporan tersebut kualiti hidup bandar keseluruhannya telah bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 5.8 mata dari tahun 1990 (sebagai tahun asas dengan 100.0 mata) kepada 105.8 pada tahun 2000. Penilaian ini adalah berdasarkan 12 indeks kualiti hidup mengikut bidang yang dilaporkan dalam IKHBM-2002. Laporan tersebut menunjukkan hampir semua indeks yang diukur iaitu Pendapatan & Pengagihan, Persekitaran kerja, Pengangkutan & Komunikasi, Kesihatan, Pendidikan, Perumahan, Kehidupan Keluarga, Kebudayaan dan Liburan serta Perkhidmatan Bandar mencatatkan peningkatan kualiti hidup yang baik kecuali Alam Sekitar (94.6) dan Keselamatan Awam (91.9). Dalam laporan IKHBM didapati bahawa indeks kualiti hidup Kehidupan Keluarga mencatat peningkatan tertinggi iaitu 114.4 diikuti Pendapatan dan Pengagihan (113.6) serta Kebudayaan dan Liburan (111.8). Walaupun permasalahan penempatan di bandar merupakan isu hangat yang diperkatakan ketika ini namun dalam indeks kualiti hidup Perumahan menunjukkan peningkatan sebanyak 106.9 pada tahun 2000 berbanding 95.1 mata pada tahun 1995. Kesemua bandar yang dinilai mencatatkan peningkatan dalam kualiti hidup terutama Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan yang tertinggi iaitu sebanyak 105.0 mata diikuti Ipoh, Johor Bahru dan akhir sekali Kuching.

Jadual 2. Indeks Komposit dan Indeks Kualiti Hidup Bandar Malaysia setiap 5 tahun

No.	Bidang	Tahun		
		1991	1995	2000
Peningkatan Melebihi 10 mata				
1.	Kehidupan Keluarga	101.7	105.3	114.4
2.	Pendapatan & pengagihan	101.9	110.4	113.6
3.	Kebudayaan & Liburan	100.4	102.3	111.8
4.	Pendidikan	102.6	108.6	110.9
Peningkatan Kurang 10 mata				
5.	Pengangkutan & Komunikasi	101.0	105.9	109.8
6.	Kesihatan	101.8	104.0	108.4
7.	Persekitaran kerja	101.4	104.4	108.0
8.	Perumahan	100.2	96.9	106.9
9.	Perkhidmatan Bandar	98.7	101.8	104.2
10.	Penyertaan Masyarakat	101.1	101.1	102.4
Penurunan				
11.	Alam Sekitar	98.9	95.1	94.6
12.	Keselamatan Awam	99.3	98.0	91.9
IKHM		100.8	102.8	105.8

(Tahun Asas 1990=100)

Menurut laporan tersebut, kualiti Kehidupan Keluarga yang lebih baik di bandar adalah disebabkan oleh hasil penurunan kadar bilangan penceraihan keluarga. Peningkatan indeks pendapatan dan pengagihan adalah disebabkan oleh penurunan kadar kemiskinan yang ketara akibat peningkatan ekonomi bandar yang pesat. Keadaan ini memberi peluang yang besar kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan demi menyara kehidupan dan keluarga. Pengukuran kemajuan sesebuah ekonomi adalah berasaskan kemajuan sektor perindustrian, perniagaan, kewangan, perbankan, pendidikan dan perkhidmatan di samping kemantapan ekonomi teras yang sedia ada. Manakala dalam peningkatan indeks kebudayaan dan liburan ianya disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi serta kesedaran masyarakat dalam menjadikan masyarakat berilmu dengan peningkatan yang tinggi dalam keahlian perpustakaan. Indeks pendidikan ditingkatkan dengan penurunan nisbah guru-pelajar di sekolah serta pengecilan saiz purata kelas pelajar. Sungguhpun demikian Alam Sekitar dan Keselamatan Awam merupakan indeks kualiti hidup bandar yang paling tinggi penurunannya. Jika diperhatikan masalah ini semakin memburuk setiap tahun dan ianya agak sukar untuk ditingkatkan. Kahadiran musim kering yang berpanjangan kesan daripada fenomena *El-Nino* dan amalan pembakaran terbuka di kawasan pertanian yang luas di Sumatera menjadi faktor penyebab dan penggalak episod jerebu di Malaysia (Shaharuddin Ahmad & Noorazuan Md Hashim 2006). Kurang kesedaran masyarakat negara ini mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar hanya

merosakkan aset generasi akan datang selain mengakibatkan penurunan kualiti hidup. Tindakan yang mementingkan keuntungan semata dan mengambil jalan mudah mengakibatkan masalah jerebu yang teruk di negara sendiri pada Ogos 2005. Sebanyak sepuluh syarikat asing yang disyaki terlibat dalam aktiviti pembakaran terbuka menyebabkan masalah jerebu termasuklah lapan buah Syarikat Perladangan Malaysia dengan keluasan kira-kira 200,000 hektar (Utusan *Online* 2005).

Dalam memastikan kualiti hidup masyarakat bandar agar mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa maka masyarakat bandar itu sendiri harus berusaha untuk mencapai kesejahteraan keseluruhan entiti bandar. Oleh itu, pengenalan terhadap masyarakat bandar pintar merupakan salah satu kaedah bagi memastikan kualiti hidup penduduk bandar bertambah baik dan berkualiti. Masyarakat yang berilmu pengetahuan, mampu menguasai dan mengikut rentak maklumat terkini, berkreativiti tinggi, mempunyai daya inovasi dan mampu bersaing ke peringkat global mampu mencapai piawaian bersifat universal yang digariskan. Kayu pengukur bagi kemajuan kualiti hidup penduduk bandar pintar adalah merujuk kepada keupayaan masyarakat bandar yang mempunyai daya ketahanan mental yang tinggi, mempunyai daya saing serta keefisienan yang berterusan, minda kelas pertama bertaraf dunia dan masyarakat daya huni yang berintegriti mulia. Persefahaman hubungan dua hala antara masyarakat bandar dan persekitaran bandar merupakan kunci kekuatan bagi kehidupan yang berkualiti dan persekitaran bandar yang lestari. Perlu difahami bahawa klasifikasi global bandar pintar yang berkualiti dibahagikan kepada tiga peranan iaitu bandar global bertaraf alfa (utama), bandar global bertaraf beta (pertengahan) dan bandar global bertaraf gamma (minor) (Beaverstock et al. 1999).

KUALITI HIDUP PENDUDUK PINGGIR BANDAR

Pinggir bandar merupakan kawasan yang paling hampir dengan persekitaran bandar yang turut mendapat tempas di atas pembangunan yang diusahakan. Pinggir bandar juga pada asalnya merupakan kawasan luar bandar yang hanya melibatkan sebahagian kecil kawasan penempatan manusia dan beberapa infrastruktur asas namun sebahagian besarnya didominasi pelbagai aktiviti pertanian dan perladangan di samping penciptaan

kejadian flora dan fauna alam semula jadi yang merangkumi kawasan tasik, sungai, belukar, bukit bukau dan hutan hijau bersama kandungan komuniti hidupan liar. Perubahan dan perkembangan luar bandar kepada kawasan pinggi bandar memberikan kebaikan dan keburukan kepada masyarakat yang tinggal di dalamnya. Jika diperhatikan secara mendalam, punca pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk pinggir bandar mempunyai kaitan dengan permasalahan yang disebabkan oleh perbandaran. Berikutan permasalahan perbandaran telah menyebabkan penurunan kualiti hidup penduduk bandar dan mengakibatkan berlakunya penolakan kehidupan ke pinggir bandar. Ini disebabkan impak perbandaran terhadap kemudahan terancam alam sekitar dan manusia (Dani Salleh 2000; Abdul Samad Hadi 2000). Isu ini turut diutarakan oleh Eko et al. (2008) yang mendapati pertumbuhan penempatan di sekitar metropolitan disebabkan oleh pertumbuhan penduduk metropolitan yang tinggi, keperluan perumahan dalam kawasan metropolitan, harga tanah di dalam wilayah metropolitan yang mahal, kawasan penempatan yang padat dan lemahnya pengendalian ruang dan bangunan. Akibat penolakan ini menyebabkan keterancaman penduduk pinggir bandar dan ketidakselesaan dalam megharungi kehidupan yang berkualiti.

Bukan itu saja, banyak lagi kajian yang menunjukkan kebolehdapatan yang diperolehi di pinggir bandar seperti dalam kajian McGee (1967) yang mendapati adanya faktor tapak yang menarik dan selamat daripada ancaman banjir yang menggalakkan pembinaan pengangkutan jalan moden serta pantas yang menyebabkan perumahan mewah tersebar di kawasan pinggir bandar kerana kawasan-kawasan di pinggir bandar mempunyai banyak kelebihan untuk gunatanah tertentu (Harris & Ullman 1945). Selain itu kajian Burgess (1925) juga mendapati kawasan yang terletak di pinggir bandar mempunyai kemudahan pengangkutan yang baik serta menjadi tumpuan penduduk yang berpendapatan tinggi di bandar. Akibatnya susunan bentuk gunatanah akan berkembang ke arah luar dengan membentuk seperti kipas bersektor. Penemuan lebih terperinci akibat rebakan bandar yang ditemui oleh Anuar Amir (2006) boleh disenaraikan seperti berikut pertama : impak lebih ketara berlaku kepada aspek bukan fizikal (sosioekonomi dan sosio budaya) daripada aspek fizikal; kedua : tahap kualiti perumahan dan kemudahan fizikal adalah rendah; ketiga : kualiti

hidup penduduk secara keseluruhannya juga adalah amat rendah; keempat : faktor jarak petempatan dari sempadan bandar didapati merupakan penentu utama impak; kelima : rebakan bandar memberikan kesan lebih positif kepada aspek fizikal seperti kemudahan sosial yang baik, berbanding lebih negatif kepada aspek sosioekonomi ataupun sosiobudaya dan penemuan terakhir kesan daripada rebakan bandar juga memberi impak ke atas peningkatan masalah sosial seperti jenayah, kecurian dan penagihan dadah.

Kesan Pertumbuhan Pinggir Bandar

Kualiti hidup masyarakat pinggir bandar adalah berbeza dengan kualiti hidup masyarakat yang tinggal di bandar. Salah satu komponen penting proses pembangunan iaitu perbandaran telah lama dianggap sebagai faktor utama yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar di kawasan bandar (Katiman Rostam 2000). Kehidupan masyarakat bandar lebih terdedah dengan pelbagai masalah perbandaran seperti ruang penempatan yang sempit, kos sara hidup yang tinggi, peningkatan pengangkutan dan jenayah, kepadatan penduduk, pencemaran alam sekitar, masalah kesesakan jalanraya dan sebagainya. Pertambahan bilangan kenderaan di jalan raya turut menyebabkan kualiti hidup masyarakat bandar semakin merosot terutama dari aspek alam sekitar iaitu pencemaran bunyi dan kandungan udara yang mengganggu kesihatan. Menurut Azahan Awang (2006) perubahan yang berlaku di bandar menjurus kepada penurunan kualiti hidup masyarakat bandar akibat bertambahnya masalah kemiskinan, pengangkutan dan alam sekitar. Limpahan kadar pertumbuhan penduduk yang meningkat secara mendadak sama ada disebabkan migrasi masyarakat tempatan atau luar negara, kebanjiran warga asing yang semakin membimbangkan, peningkatan demografi penduduk secara semula jadi dan banyak lagi mengakibatkan pertumbuhan di pinggir bandar.

Kajian Katiman Rostam (2010) mendapati terdapat banyak bukti yang menyokong bahawa kawasan pinggir Wilayah sedang mengalami pertumbuhan yang pesat akibat pertumbuhan semula jadi dan migrasi masuk penduduk dari zon teras mahupun luar wilayah. Berdasarkan permasalahan inilah pinggir bandar menjadi tumpuan dan tarikan dalam mengecapi kualiti hidup yang lebih baik. Perkembangan ekonomi yang baik di pinggir bandar juga merupakan salah satu tarikan. Kajian Anuar Amir (2004) menunjukkan bahawa kira-kira satu pertiga

penduduk mengakui penyelesaian petempatan sebagai kawasan kediaman telah menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Malah 70% penduduk bersetuju pencemaran alam sekitar di persekitaran kediaman semakin meningkat dari semasa ke semasa. Tambahan info yang diperolehi juga mendapati bahawa kira-kira 85% penduduk bersetuju berlakunya peningkatan kos hidup yang tinggi dalam kawasan pinggir bandar dan ianya memberi kesan serius kepada keluarga. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa rebakan memberi impak yang agak besar kepada penduduk pinggir bandar yang tertekan dengan perubahan kawasan persekitaran yang drastik. Akibatnya penduduk merasakan kualiti hidup mereka turut menurun jika dibandingkan kehidupan mereka sebelum perubahan pembangunan di pinggir bandar dilaksanakan.

Impak Kehidupan Pinggir Bandar

Pelbagai impak negatif yang dihadapi oleh penduduk pinggir bandar dapat diperhatikan dalam beberapa hasil kajian yang dilakukan dalam aspek rebakan bandar dan impak negatif yang dimaksudkan ini merangkumi aspek sama ada yang berkaitan isu pencemaran alam sekitar, pencerobohan penggunaan tanah pinggir bandar bagi tujuan pembangunan, ancaman kepada kualiti hidup, aktiviti dan sosial masyarakat serta monumen dan tinggalan tradisi masyarakat Melayu pinggir bandar yang kian pupus. Impak negatif limpahan pemandaran juga adalah pelbagai terutama yang menyentuh aspek keseimbangan sosial dan masalah sosial dalam pembangunan masyarakat setempat (Schmitt 1999; Gilroy 2001). Malah Anuar Amir (2006) juga mendapati impak negatif yang signifikan yang telah dialami oleh penduduk pinggir bandar adalah tahap kualiti perumahan, kualiti hidup penduduk, pemilikan rumah, suasana kejiranan, masalah vandalisma, jenayah, kecurian dan penagihan dadah, impak sosioekonomi, tekanan pembangunan, dan ketidakseimbangan sosial (sama ada dari segi kaum dan status) di pinggir bandar. Pembangunan yang pesat ini menimbulkan ancaman baru kepada penduduk pinggir bandar yang berhampiran dengan kawasan bandar dan Katiman Rostam (2000) mendapati ianya telah menyebabkan kebanyakan bandar besar tidak lagi mampu menampung keperluan penduduknya sehingga terpaksa mengimport sumber alam dari luar kawasan tadahannya. Pada masa yang sama bandar besar pula melepaskan pelbagai bentuk bahan sisa dan pencemaran akibat pertumbuhan bandar yang sangat

pesat. Malah perubahan-perubahan ini juga dijangka akan memberikan kesan langsung terhadap pola sosial, ekonomi, budaya dan politik (Katiman Rostam 2010). Lantaran itu, ancaman arus pembangunan ini berkemungkinan mengakibatkan permasalahan kepada kehidupan penduduk pinggir bandar sama ada dari segi fizikal, mental, sosial dan spiritual. Malah kajian Katiman Rostam (2000) sebelum ini juga menekankan kesannya kepada kehidupan sekelompok masyarakat bandar, khususnya masyarakat pinggir bandar sama ada daripada segi kesihatan mahupun kesejahteraan sosial. Oleh yang demikian penduduk pinggir bandar hendaklah bersedia bukan sahaja dari segi fizikal, mental, sosial dan spiritual malah ekonomi, budaya serta politik dalam menerima perubahan pembangunan yang mungkin menimbulkan ketidakselesaian, gangguan kedamaian persekitaran dan sebagainya. Ini disebabkan oleh pertambahan penduduk yang bukan hanya memerlukan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan, tetapi juga memerlukan tempat kediaman dan kemudahan-kemudahan sosial dan budaya (Haryati Shaffi 2006). Hal ini, mungkin mengganggu kehidupan seharian sekiranya persediaan fizikal, mental, sosial dan spiritual tidak diperkukuhkan. Oleh yang demikian Anuar Amir (2006) menyatakan bagi memastikan petempatan luar bandar berhampiran bandar besar tidak berterusan menerima tekanan pembangunan maka dasar perancangan yang lebih komprehensif bagi pembangunan di pinggir bandar adalah amat diperlukan. Maka empat perkara berikut perlu diberi penekanan iaitu pertama, pemikiran semula konsep dan kaedah membangunkan petempatan pinggir bandar dan juga kampung-kampung luar bandar; kedua, keperluan merentasi dikotomi bandar dan luar bandar yang sedia ada dalam penggubalan dasar-dasar perancangan wilayah dan luar bandar; ketiga, ke arah pembangunan lebih mampan dan '*integrated*' bagi petempatan luar bandar di sekitar pinggir bandar dan keempat, ke arah pewilayahan petempatan kampung secara polisentrik dan memahami implikasinya ke atas bidang perancangan wilayah dan luar bandar.

Tidak banyak fokus diberikan untuk melihat kawasan perantaraan antara bandar dan luar bandar iaitu kawasan pinggir bandar dan penempatan-penempatan di sekitar sempadan bandar, yang menghadapi tekanan pembangunan (Anuar Amir 2006). Malah perbincangan yang spesifik terhadap kualiti hidup penduduk pinggir bandar masih kurang dijalankan sungguhpun perbincangan kualiti hidup di Malaysia telah bermula sejak awal kemerdekaan lagi.

Namun begitu kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dapat dilihat apabila pelbagai dasar telah digubal seperti Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) serta Wawasan 2020. Strategi kerajaan yang menekankan aspek pembangunan manusia merupakan penyediaan kualiti hidup yang berhak dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Pelbagai usaha kerajaan yang telah dilaksanakan untuk rakyat adalah seperti memperbaiki kehidupan golongan miskin; menyediakan peluang meningkatkan pendapatan; menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan asas yang lain; memastikan persekitaran kerja yang lebih baik; melindungi alam sekitar dan mewujudkan pra-syarat yang baik untuk pembangunan. Usaha-usaha ini telah mengubah wajah Negara Malaysia kepada kehidupan yang lebih baik. Ini kerana, setiap manusia yang hidup di muka bumi ini, menginginkan kualiti hidup yang terbaik dan berterusan sepanjang kehidupan mereka.

Bagi pandangan umum kehidupan yang berkualiti pastinya memerlukan usaha yang berterusan terutamanya dalam aspek perumahan, persekitaran fizikal, keselamatan, pergaulan dan aktiviti sosial, pendidikan, kewangan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan infrastruktur. Walau bagaimanapun, banyak pandangan kualiti hidup telah diberikan oleh para penyelidik (Raphael et al. 2001; Carlsson et al. 2002) yang mendapati kualiti hidup adalah berkaitan dengan kehidupan yang sejahtera, baik, hidup yang selesa dengan segala keperluannya yang diperolehi (Slotte et al. 1991) serta bersifat subjektif antara individu dengan individu yang lain berdasarkan pengalaman (Raphael et al. 1996) selain ianya berkaitan dengan perspektif psikologi dan sosiologi. Malah, Szalai dan Andrews (1980) berpendapat kualiti hidup merangkumi bukan sahaja pembangunan ekonomi malahan juga melibatkan pelbagai aspek tertentu yang tidak dapat dipisahkan seperti aspek sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar. Namun begitu mereka berpendapat aspek yang paling utama dalam memberikan kehidupan yang paling berkualiti kepada manusia secara khasnya mengandungi empat perkara iaitu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Konsep ini disokong oleh Raphael et al. (2001) dengan menambah bahawa kualiti hidup bertumpu kepada tiga perkara utama iaitu individu itu sendiri, hubungan dengan persekitaran dan peluang atau pencapaian individu terhadap cita-cita, kehendak atau matlamat.

KESIMPULAN

Kualiti hidup dan kesejahteraan merupakan satu usaha berterusan dalam memastikan setiap insan yang menjalani kehidupan yang serba mencabar ini memperolehi nikmat kehidupan daripada keadaan yang susah kepada senang, daripada kehidupan yang baik kepada yang lebih baik malah setiap impian yang menginginkan perubahan yang lebih baik dapat dipenuhi di dalam kehidupan mereka. Penekanan yang diberikan oleh Szalai dan Andrews (1980) mendapati secara umumnya, kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem hidup atau sistem sosial daripada satu keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada satu keadaan yang lebih baik. Oleh demikian perancangan yang tersusun serta bersesuaian dengan kehidupan masyarakat pinggir bandar harus diambil kira dalam meningkatkan tahap pembangunan disamping kualiti hidup masyarakat yang lebih terjamin dan sempurna. Rebakan perbandaran yang bersifat mapan memungkinkan masyarakat memperolehi segala kemudahan perbandaran di samping menikmati kehidupan pinggiran ala-bandar yang bersifat mapan. Perubahan persekitaran pinggir bandar yang memenuhi keperluan dan keinginan masyarakat pinggir bandar mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat tanpa menghiraukan jenis rebakan pembangunan yang berlaku. Pembangunan yang bersifat keuntungan semata dan tidak menitikberatkan alam sekitar di pinggir bandar merupakan ancaman baru kepada seluruh penghuni pinggir bandar. Peka, sedar, bertanggungjawab dan bersama berusaha ke arah cara hidup mapan merupakan tunjang utama dalam mengejar kemajuan dan pembangunan tanpa membelakangkan kemapanan alam sekitar.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi. 2000. *Malaysian Urbanisation and the Environment: Sustainable Urbanisation in the New Millennium*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahris Yaakup. 2008. Kriteria Serakan Bandar/Serakan Guna Tanah. Laporan Akhir Penyelidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Anuar Amir. 2004. Merentasi dikotomi bandar/desa: Ke arah pewayalahan petempatan luar bandar yang mengalami tekanan limpahan perbandaran. *Jurnal Alam Bina* 6(2): 69-86. Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia.
- Anuar Amir. 2006. Impak limpahan perbandaran ke atas kampung pinggir bandar di wilayah metropolitan. Tesis Ph.D. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- Azahan Awang. 2006. Kualiti hidup masyarakat bandar di kawasan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah, Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bast, J.L. 1998. Managing Growth, Destroying Freedom, Critiques of "Smart Growth" New Urbanism" and Other Forms of Centralized Land-Use Planning. USA.
- Beaverstock, J.V., Smith, R.G. & Taylor, P.J. 1999. A roster of world cities. *Cities* 16(6): 445-448.
- Belser, K. 1960. Urban dispersal in perspective. Dlm. Engelbert, E.A. (Ed.). *The Nature and Control of Urban Dispersal*. Berkely: California Chapter of the American Institute of Planners. Hlm. 1-18.
- Burgess, E.W. 1925. The growth of a city. *Proceedings of the American Sociological Society*, Vol. 18.
- Calman, K.C. 1989. Definitions and dimensions of quality of life. Dlm. Aaronson, N.K. & Beckman, J. (Eds.). *The Quality of Life of Cancer Patients*. New York: Raven Press. Hlm. 1-9.
- Campbell, A. 1976. Subjective measures of well-being. *American Psychologist* 31: 117-124.
- Dani Salleh. 2000. Isu dan masalah kawalan pembangunan sektor hartanah oleh Pihak Berkuasa Tempatan. *Prosiding Seminar Penyelidikan UUM Ke-6*. Sintok: Penerbit UUM.
- Eko, D. Heripoerwanto, Eriyanto, Erman Rustiadi & Yusuf Yuniarto. 2008. Rancang bangun sistem pengelolaan permukiman di kawasan pinggir metropolitan (Studi kasus: Koridor Jalan Cirendeui, Kabupaten Tangerang, Jakarta. *Journal Teknologi Ling*. 9(2): 156-166.
- Ferrans, C.E. 1990a. Development of a quality of life index for cancer patients. *Oncology Nursing Forum* 17 (suppl), 15-21.
- Ferrans, C.E. 1990b. Quality of life: conceptual issues. *Seminars in Oncology Nursing* 6: 248-254.
- Galster, G. 2001. On the nature of neighbourhood. *Urban Studies* 38(12): 2111-2124.
- Gans, H.J. 1967. *The Levittowners: Ways of Life and Politics in a New Suburban Community*. New York: Pantheon Books.
- Gerson, E.M. 1976. On "quality of life." *American Sociological Review* 41: 793-806.
- Gilroy, L.C. 2001. *Urban Sprawl: Good for Minorities?*. New Orleans: Reason Public Policy Institute.
- Grant, M., Padilla, G.V., Ferrell, B.R. & Rhiner, M. 1990. Assessment of quality of life with a single instrument. *Seminars in Oncology Nursing* 6: 260-270.
- Harris, C.D. & Ullman, E.L. 1945. The nature of cities. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 242.
- Harvey, R.O. & Clark, W.A.V. 1965. The nature and economics of urban sprawl. *Land Economics* 41(1): 1-9.
- Hornquist, J. 1982. The concept of quality of life. *Scandinavian Journal of Social Medicine* 10: 57-61.
- Karnofsky, D., Abelman, W. & Craver, L. 1948. The use of the nitrogen mustards in the palliative treatment of carcinoma. *Cancer* 4: 634-656.
- Katiman Rostam. 2000. Bandar pertengahan sebagai pusat pembangunan industri pembuatan di Malaysia: Kuantan, Pahang Darul Makmur. *AKADEMIKA* 56: 3-25.
- Katiman Rostam. 2010. Perubahan penduduk Wilayah Metropolitan Lanjutan Klang-Langat, Malaysia, 1957-2000. *AKADEMIKA* 79: 1-18.
- McGee, T. 1967. *Cities East Asian City*. London: G.Bell & Son Ltd.
- McGee, T. 1991. The emergence of desakota region in Asia: Expanding a hypothesis. Dlm. Ginsburg, N., Koppel, B. & McGee, T. (Eds.). *The Extended Metropolis Settlement Transition in Asia*. Hlm. 3.
- McCormick, R. 1974. To save or let die. *Journal of the American Medical Association* 229: 172-176. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Mills, E.S. & Hamilton, B.W. 1994. *Urban Economics*. New York: Harper Collins College.
- Mohd Fuad Mat Jali & Noraziah Ali. 1996. Jutawan Segera: Kajian Impak Sosio-Ekonomi dan Geopolitik Peneroka Felda LBJ dan Felda Sendayan, Negeri Sembilan.
- Noraziah Ali, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Azlan Abdullah. 1997. Peneroka jadi jutawan di Felda LBJ dan Felda Sendayan, Negeri Sembilan. *Jurnal Ilmu Alam* 23: 149-170.
- Peiser, R.B. 1989. Density and urban sprawl. *Land Economics* 65(3): 193-204.
- Samruhaizad Samian. 2008. Persepsi sihat sejahtera warga kota: Satu kajian kualitatif dan kuantitatif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Sains Perubatan, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Schmandt, H. & Bloomberg, W. 1969. *The Quality of Urban Life*. Beverly Hills, CA.: Sage.
- Schmitt, B., 1999. Economic geography and contemporary rural dynamics: An empirical test on some French regions. *Regional Studies* 33(8).
- Shaharuddin Ahmad & Noorazuan Md Hashim. 2006. Kebakaran hutan dan isu pencemaran udara di Malaysia: Kes jerebu pada Ogos 2005. *Jurnal e-Bangi* 1(1), Julai – Disember.
- Shaw, A. 1988. QL revisited. *Hastings Center Report* 2: 10-12.
- Small, K. 2000. Urban Sprawl: A Non-Diagnosos of Real Problems. In: Metropolitan Development Patterns: 2000 Annual Roundtable, Cambridge MA.
- Utusan Malaysia. 2010. Maju Tanpa Abai Kualiti Hidup Rakyat. Petikan ucapan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0611&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2010. (8 Ogos 2012).
- Varni, J.W., Lane, M.M., Burwinkle, T.M., Fontaine, E.N., Schwimmer, J.B., Pardee, P.E., Pohl, J.F. & Easley, D.J. 2006. Health-related quality of life in pediatric patients with irritable bowel syndrome: A comparative analysis. *Developmental and Behavioral Pediatrics*. 27(6):451-458.
- Wassmer, R.W. 2002. An economic perspective on urban sprawl. Working Paper for the California Senate Office of Research: 1-21.
- World Health Organization (WHO). 1993. *WHO-QOL Study Protocol: The Development of the World Health Organization Quality of Life Assessment Instrument*. Geneva: World Health Organization.

*Samruhaizad Samian @ Samion, M. Med. Sc.
Pelajar Ph.D.*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: samruhaizad@yahoo.com*

Jamaluddin Md. Jahi, Ph.D.

*Felo Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: jamalmj1949@gmail.com*

Azahan Awang, Ph.D.

*Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: azahan@ukm.my*

